



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

**TEKS UCAPAN ALUAN**

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN KANOWIT WATERRONT  
DAN  
PESTA KANOWIT 2024**

**20 SEPTEMBER 2024 (JUMAAT) | 10.00 PAGI**

**PENTAS UTAMA KANOWIT WATERFRONT**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

## **SALUTASI**

*(\*akan disediakan secara berasingan)*

Hadirin yang dihormati sekalian,

## **PENDAHULUAN**

1. Hari ini, kita berkumpul di sini dalam suasana yang penuh kegembiraan dan harapan, **sempena Majlis Perasmian Kanowit Waterfront dan Pesta Kanowit 2024**. Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada **YB Datuk Amar Prof. Dr. Sim Kui Hian, Timbalan Premier Sarawak** atas kesudian hadir bagi merasmikan program pada hari ini.
2. Izinkan saya untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang telah hadir pada hari ini terutamanya kepada **pihak penganjur iaitu Majlis Daerah Kanowit**. Tidak lupa juga kepada Kerajaan Sarawak terutama kepada **Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak** dan semua pihak yang terlibat dalam memastikan majlis ini dapat dijayakan.
3. Kementerian Perpaduan Negara amnya menyambut baik penganjuran pesta seumpama ini kerana ia bukan sahaja dapat **menzahirkan sifat kebersamaan, keterangkuman dalam meraikan kepelbagaian etnik, agama dan bangsa**, malah membawa pelbagai faedah termasuk menyumbang kepada peningkatan ekonomi serta pelancongan negeri.

4. **Pesta Kanowit ini mula diadakan pada tahun 2003**, ketika itu Pesta Kanowit dinamakan Pesta Rakyat Kanowit. Aktiviti utama semasa Pesta Kanowit adalah perlumbaan Powerboat F2000 dan juga Reggata Kanowit.
5. Selain itu, pesta ini juga dapat mempromosikan **Daerah Kanowit sebagai satu tarikan pelancong ke luar bandar**. **'Where Memories Are Made'** adalah slogan bagi **Pesta Kanowit**, yang membawa maksud bahawa setiap pengunjung yang datang ke pesta ini akan membawa 1001 kenangan yang sentiasa akan diingati.
7. Pada tahun lalu, Kementerian Perpaduan Negara telah melancarkan **Inisiatif 'Ini Warisan Kita'** iaitu salah satu pengisian utama dalam program *flagship* Kementerian iaitu Kembara Perpaduan Malaysia MADANI melalui konsep 'Perpaduan Dalam Kepelbagaian'. Pesta Kanowit ini adalah selari dengan **inisiatif 'Ini Warisan Kita'** ini. Program ini diyakini berupaya menyuntik semangat cinta kepada tanah air melalui penghayatan terhadap kepelbagaian khazanah yang kita warisi sejak turun temurun lagi.
8. Pada tahun ini, Pesta Kanowit menampilkan pelbagai aktiviti menarik seperti **Kanowit RC Boat Challenge, Fun Fair and Trade Fair, Kanowit Power Boat race, Jualan Rahmah, pameran jabatan dan agensi kerajaan, Majlis Tradisi (Adat Miring), dan Ratu Pesta Kanowit**. Acara-acara kemuncak ini akan berlangsung sepanjang 20-22 September 2024.

9. Pesta ini bukan sahaja meraikan sejarah dan tradisi tetapi juga mengiktiraf pelbagai budaya dan sumbangan yang telah membentuk identiti kita. Dari tarian tradisional hingga makanan tempatan yang lazat, setiap elemen pesta ini adalah cerminan daripada kekayaan budaya kita yang unik. **Dengan menghargai kepelbagaian budaya, kita dapat memperkukuh perpaduan dan keamanan dalam masyarakat kita.**
10. Marilah kita semua terus memupuk semangat menghargai dan memelihara warisan budaya kita, serta berusaha untuk hidup dalam keharmonian dengan menerima dan menghormati kepelbagaian yang ada di sekeliling kita. Ini adalah contoh bagaimana kepelbagaian boleh menjadi sumber kekuatan kita, dan **saya berharap agar Pesta Kanowit ini akan sentiasa menjadi titik pertemuan yang memupuk pemahaman dan kasih sayang dalam kalangan kita semua.**
11. Kementerian Perpaduan Negara akan sentiasa memberikan sokongan kepada program yang bercirikan kebudayaan dan kemasyarakatan kerana ia berupaya mengeratkan silaturahim, menyatupadukan rakyat dan memperteguhkan hubungan masyarakat demi kesejahteraan dan keharmonian negara.
12. Untuk makluman semua, hari ini juga kita akan menyaksikan **perasmian Kanowit Waterfront. Pembinaan Kanowit Waterfront ini menelan kos sebanyak RM 5.3 juta dan telah disiapkan pada April 2023.** Kompleks ini akan menjadi mercu tanda Kanowit yang akan menjadi pusat tumpuan, aktiviti pelancongan, lokasi rekreasi dan pusat sosioekonomi penduduk Kanowit.

13. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya berharap semoga Pesta Kanowit akan terus berkembang dan berjaya, dan kita dapat **terus menjaga perpaduan dan keharmonian** dalam masyarakat kita. Mari kita teruskan usaha bersama dalam memelihara warisan ini sebagai satu sumber kekuatan dan identiti kita sebagai bangsa Malaysia yang berbilang kaum.
  
14. Sekali lagi, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan terima kasih kepada semua yang terlibat. Teruskan usaha kita untuk membangunkan Kanowit ke arah yang lebih gemilang. Semoga penganjuran Pesta Kanowit 2024 ini berjalan lancar dan mencapai segala matlamat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.